

CNS9684
U GB 02-10 00163 BH939
aab

Mahathir-PBB

UNDI PEMBATAL MESTI DIHAPUSKAN, KATA DR MAHATHIR

Daripada Salmy Hashim

(i)

BANGSA-BANGSA BERSATU, 2 Okt (Bernama) -- "Undi pembatal mesti dihapuskan," tegas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan beliau menyeru dilakukan penyusunan semula Bangsa-bangsa Bersatu, khususnya keanggotaan dalam Majlis Keselamatan.

"Kita berbicara mengenai demokrasi," tetapi "aspek yang paling tidak demokratik ialah undi pembatal pada Lima Anggota Tetap," kata beliau semasa menyampaikan ucapannya pada Jumaat di sesi ke 48 Perhimpunan Agong PBB di sini.

"Kita boleh menerima hal bahawa mereka mempunyai beberapa kelebihan, tetapi bagi setiap mereka, secara tersendiri, lebih berkuasa daripada keseluruhan anggota PBB tidaklah dapat diterima; sama ada dahulunya, sekarang atau pada masa depan.

"Untuk ketika ini bolehlah wujud beberapa anggota tetap. Tetapi undi pembatal mestilah dihapuskan. Formula mestilah dicari bagi anggota tetap baru Majlis Keselamatan."

Dr Mahathir menyampaikan ucapan setengah jam yang mendapat dua kali tepukan bergemuruh dari para wakil dan orang ramai. - lagi.

▼02/10/12-09MST
U GB 02-10 00138 BH940
aab

Mahathir - PBB 2 Bangsa-bangsa Bersatu

Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali memberi sokongan moral bersama isteri para pegawai lain PBB yang berada di sudut sebelah kiri dewan.

Beberapa orang wakil termasuk dari Australia mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri selepas beliau berucap.

Kemudian, pada persidangan untuk wartawan Malaysia, Dr Mahathir berkata beberapa perwakilan mengucapkan "terima kasih" kerana beliau menyuarakan pandangan bagi pihak mereka.

"Jadi, mereka gembira jika ada pihak bersedia menyuarakannya ... mereka berasa terancam ... negara-negara yang kuat boleh mengenakan paksaan dan menyebabkan sedikit penderitaan."

"Saya sedia mempertaruhkan leher saya untuk dipenggal," beliau berseloroh.

Mengenai Majlis Keselamatan, Perdana Menteri berkata mana-mana negara yang berhasrat menjadi anggota tetap atau mana-mana anggota tetap hendaklah menaruh minat terhadap semua masalah dunia. -- Lagi

▼02/10/12-21MST

CNS9709

U GB 02-10 00146 BH942

aab

Mahathir - PBB 4 Bangsa-bangsa Bersatu

"Bila kita gabungkan semuanya, "hasil perdamaian" yang dinikmati daripada berakhirnya Perang Dingin tidaklah begitu besar, kata beliau.

Tetapi Dr Mahathir menarik perhatian kepada dua perkembangan penting daripada "aspek positif" iaitu pemeteraian perjanjian damai PLO-Israel dan antara kaum kulit hitam dan putih di Afrika Selatan.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak kerana menggunakan kebijaksanaan dan keberanian mereka," tetapi mengingatkan tentang halangan yang dihadapi sebelum, "keamanan sebenar menjadi kenyataan."

"Mereka telah mengatasi halangan paling sukar tetapi tiada jaminan bahawa keamanan akan wujud," kata beliau kepada pemberita.

Bagi mereka (di Malaysia) yang berhasrat untuk meneruskan perjuangan menentang Israel, Perdana Menteri berkata, "Saya ingin mencabar sesiapa yang berkata bahawa kita mesti meneruskan perjuangan menentang Israel...sama ada mereka sanggup berjuang untuk PLO ... cakap bolehlah," kata beliau. -- Bernama

SAL FAZ RS

02/10/12-59MST

CNS9698

U GB 02-10 00168 BH941

aab

Mahathir - PBB 3 Bangsa-bangsa Bersatu

"Jika anda dalam Majlis Keselamatan anda mestilah berminat terhadap apa jua perkara ... anda tak boleh kata Bosnia bukan masalah saya ... Kemboja masalah saya - itu tak memadai," tegasnya.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri bercakap mengenai hal-hal menggalakkan daripada hasil damai dan kejatuhan "Empayar Durjana".

Beliau meluahkan kisah yang menyentuh perasaan tentang kezaliman yang dilakukan puak Serb yang sukar dibayangkan - mengenai seorang kanak-kanak Bosnia berusia enam tahun yang diperkosa berkali-kali di hadapan ibunya yang tidak saja terpaksa melihat tetapi dihalang menolongnya sehingga kanak-kanak mati itu selepas dua hari terbiar.

"Empayar Durjana itu tidak lagi wujud," kata beliau, tetapi nilai nyawa manusia dan mereka yang kehilangan tempat tinggal amatlah tinggi seperti terlihat pada "persengketaan berdarah" di Bosnia-Herzegovina, Georgia, Moldavia, Armenia, Azerbaijan, Tajikistan dan banyak lagi.

Dan ketika kaum Slovenes dan Croat mendapat sokongan penuh orang-orang Eropah, masyarakat Islam Bosnia dihalang daripada mempertahankan diri mereka oleh "juara kebebasan dan demokrasi." - lagi.

02/10/12-46MST